

15 JAN 1996

Mahathir-Australia (Dengan gambar)

HUBUNGAN MALAYSIA-AUSTRALIA PERLU DIPERERATKAN: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Malaysia dan Australia perlu mempereratkan hubungan mereka dan mengelakkan ataupun mengurangkan gangguan yang sekali sekala menjejaskan hubungan itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Katanya prinsip hormat menghormati hendaklah dipatuhi semua pihak jika Malaysia dan Australia ingin membina dan mengekalkan kerjasama yang kukuh.

Dr Mahathir berkata gangguan dalam hubungan dua hala pernah berlaku tetapi gangguan-gangguan itu tidak menjejaskan aspek utama hubungan itu.

"Ia satu kepujian kepada kedua-dua negara kerana kewarasan mengatasi setiap gangguan yang berlaku ... ia juga menunjukkan tahap kedewasaan dalam hubungan kedua-dua negara," katanya pada jamuan makan malam meraikan Perdana Menteri Australia Paul Keating di kediaman rasmi, Seri Perdana, di sini.

Keating tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi dua hari. Lawatan ini yang pertama bagi Keating ke Malaysia sejak menjadi Perdana Menteri dalam 1991 dan yang pertama oleh seorang pemimpin Australia dalam tempoh 13 tahun lepas.

Hubungan antara Kuala Lumpur dan Canberra beberapa kali menjadi tegang terutama ketika Keating memanggil Dr Mahathir "keras kepala" kerana keengganannya menghadiri mesyuarat pertama Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Seattle pada 1993.

Sambil menyebut bahawa Malaysia ingin melihat Australia sebagai sahabat, Dr Mahathir berkata hubungan Malaysia-Australia wujud sekian lama dan telah berjaya melalui pelbagai halangan.

"Sememangnya banyak yang boleh dibanggakan dalam hubungan ini. Bagaimanapun ia perlu diperkukuhkan lagi," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau bersetuju dengan Keating bagi kedua-dua negara mengetepikan sebarang salah anggapan yang boleh menjadi rintangan kepada hubungan yang lebih jelas antara kedua-dua negara.

"Malaysia bersedia menyahut secara positif pandangan seumpama itu," katanya, dan menambah kata sudah tiba masanya sebarang salah anggapan dikikis dan digantikan dengan sikap yang lebih positif dalam mengendalikan hubungan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata sudah tiba masanya sebarang tindakan negatif "oleh orang-orang yang memang berniat untuk menabur perselisihan dan silap faham dihalang supaya dapat terhalang tindak balas yang negatif dari pihak yang satu lagi".

Dr Mahathir memberi jaminan kepada Keating bahawa Malaysia akan memainkan peranannya dalam memajukan iklim kerjasama yang menguntungkan kedua-dua pihak dan melahirkan keyakinan bahawa Australia akan juga melakukan perkara yang sama.

Katanya lawatan Keating merupakan satu penanda penting dalam hubungan dua hala dan menegaskan sekali lagi keinginan bersama kedua-dua negara, walaupun wujud perselisihan sekali sekala, untuk mengekalkan hubungan dan kerjasama yang erat.

"Kami telah mengadakan pertemuan yang berguna di Auckland (semasa Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel) dan di Osaka (pada mesyuarat tidak rasmi APEC) baru-baru ini dan saya berharap dapat mengadakan lebih banyak perbincangan dengan saudara dan anggota delegasi saudara esok," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata ketika bergerak bersama, beliau sukacita melihatkan

rangka kerja bagi mengeratkan kerjasama dua hala telah berada ditempatnya yang wajar.

Mengenai perdagangan, katanya ia telah meningkat melebihi RM5,100 juta bagi tempoh Januari-Ogos 1995 barbanding RM4,100 juta bagi tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Malaysia hari ini merupakan rakan dagang ketiga terbesar Australia dari anggota Asean dan pasaran eksport ke-11 terbesar, katanya.

Perdana Menteri berkata beliau melihat potensi besar dalam sektor pembikinan yang bertanggungjawab kepada sebahagian besar dagangan dua hala berikutan kedua-dua negara mengambil kesempatan daripada faedah kemajuan perindustrian.

Katanya Malaysia menanti-nanti penyelesaian perjanjian perdagangan baru dengan Australia bagi menggerakkan tenaga yang lebih ke arah pertumbuhan dagangan dua hala.

Dr Mahathir berkata pelaburan dua hala juga meningkat dan Australia kini pelabur keempat terbesar di Malaysia dengan leih 200 buah syarikat mempunyai kepentingan ekuiti di Malaysia.

Pelaburan Malaysia di Australia pula meningkat sebanyak 34 peratus dalam 1994 dan terus berkembang meliputi bidang baru, katanya.

Dr Mahathir berharap potensi bagi peningkatan usahasama perlu dieksploit oleh sektor swasta kedua-dua negara menerusi kerjasama lebih erat antara Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) dan Majlis Perniagaan Malaysia-Australia.

Mengenai pendidikan, katanya Malaysia akan terus menghantar pelajar ke Australia dan pada masa yang sama mengalu-alukan rakyat Australia untuk melanjutkan pengajian mereka di Malaysia. -- Bernama.